



Memahami permasalahan pelancongan di Kundasang, Sabah: kekuatan dan kelemahan pendekatan positivisme

Ramzah Dambul¹, Amriah Buang²

¹ Program Geografi, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, ² Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Ramzah Dambul (email: rdambul@gmail.com)

Abstrak

Kertas ini secara asasnya cuba mengupas permasalahan pelancongan di Kundasang (Sabah) berdasarkan pendekatan epistemologi positivisme. Tujuannya ialah untuk (i) memaparkan beberapa aspek lahiriah (empirik) kepincangan industri pelancongan di kawasan berkenaan, (ii) menjelaskan kepincangan ini dari perspektif positivisme sendiri, dan (iii) menunjukkan bagaimana penjelasan yang lebih bererti dapat dan harus didatangkan dari pendekatan-pendekatan epistemologi selain positivisme. Adalah didapati bahawa kekuatan perspektif positivisme ialah dalam mengenalpasti tiga faktor utama yang mempengaruhi kegagalan industri pelancongan sebagai katalis pembangunan Kundasang, iaitu pertumbuhan pusat urban yang lembab, kebocoran pendapatan, dan tahap 'mandiri' penduduk setempat yang lemah. Kelemahan perspektif positivisme ialah kegagalannya mengungkap dan menjawab dua persoalan kritikal yang mendasari permasalahan pelancongan di Kundasang, iaitu: (i) Mengapakah aliran modal asing yang masuk ke kawasan Kundasang gagal memberi kesan pengganda dan limpahan ekonomi di peringkat lokal?; dan (ii) mengapakah kedatangan para pekerja migran yang agak besar jumlahnya tidak memberi sumbangan kepada pertumbuhan fungsi runcit dan perkhidmatan urbanisasi di Kundasang? Kertas ini menyimpulkan bahawa jawapan kepada dua persoalan dasar itu memerlukan aplikasi pendekatan bukan positivisme.

Katakunci: epistemologi, industri pelancongan, kesan limpahan, penerangan, positivisme, Sabah

Explaining the problems of tourism in Kundasang, Sabah: the strengths and limitations of the positivist perspective

Abstract

This paper is basically an attempt to explicate the problematique of tourism in Kundasang (Sabah) from the epistemological standpoint of positivism. The objectives are (i) to present several empirical aspects of the problems besetting the tourism industry in the study area, (ii) to account for those problems or shortcomings from the positivist perspective, and (iii) to show how more meaningful explanations could and should be obtained from epistemological perspectives other than positivism. It is found that the strength of the positivist perspective is in the empirical identification of three main factors that have led to the failure of the tourist industry as a development catalyst for Kundasang, namely the lethargic growth of the urban centre, leakages of incomes from the area, and the low level of positive attitudes and behaviour on the part of the local populace. In contrast, the positivist perspective is found to be unable to frame and answer two fundamental critical questions that underline the problems and failure of the Kundasang tourist industry, viz: (a) why did the investment that flowed into Kundasang fail to generate the economic multiplier and spread effects at the local level?; and (b) why did the significant presence of

migrant foreign workers not contribute to the growth of the retail and urban services in Kundasang? The paper concludes that answering such questions necessitates the application of non-positivist epistemologies.

Keywords: epistemology, explanation, positivism, Sabah, spread effects, tourist industry

Pendahuluan

Secara am, pendekatan Positivisme bersifat sangat objektif. Ia melihat kebenaran dari sudut pengalaman empirikal yang boleh diuji dan diteorikan dalam bentuk model ruang atau matematik. Positivisme menekankan kepentingan hukum-hukum universal yang diyakini boleh menjelaskan dan meramalkan semua fenomena ruangan di atas lanskap bio-fizikal dan sosio-budaya manusia. Ia mempunyai dua dogma utama yang dikenali sebagai sains ruang dan tingkahlaku. Sains ruang memberi pemberatan kepada faktor-faktor ruangan fizikal sebagai dominan kepada semua pola ciptaan manusia.

Aliran tingkahlaku cuba memanusikan perspektif positivisme dengan mengambilkira unsur perilaku manusia, iaitu memperakukan elemen decision-making. Tetapi positivisme tingkahlaku ini secara dasarnya mengadaikan bahawa manusia adalah organisma mekanik. Maksudnya, manusia bukan dilihat sebagai insan berakal dan segala tindakannya masih boleh dinilai secara objektif dan diformulakan. Ini membezakan tingkahlaku positivisme dengan epistemologi humanistik yang melihat manusia sebagai insan dalam ertikata manusia sebagai entiti rohaniah yang ciri paling menonjolnya ialah keunikan dan kesubjektifan peribadinya.

Secara ringkas, kedua-dua dogma spatialisme dan behaviourisme positivisme ini merumuskan bahawa manusia sentiasa rasional dan bertindak mengikut pertimbangan ekonomik. Contohnya, manusia pada sebarang keadaan akan berusaha untuk meminimumkan geseran jarak bagi mencapai manfaat maksimum. Manusia rasional juga dianggap sentiasa memberikan tindakbalas wajar (yang prediktif) terhadap rangsangan-rangsangan persekitaran. Justru itu untuk menghasilkan tindakbalas yang wajar (positif) dari manusia rangsangan-rangsangan yang positif adalah kemestian seperti halnya dengan tahap pendidikan dan maklumat yang dikuasainya.

Dalam kajian ini aplikasi epistemologi positivisme akan (i) memaparkan beberapa aspek lahiriah (empirikal) kepincangan industri pelancongan di kawasan Kundasang; (ii) menjelaskan kepincangan ini dari perpektif positivisme sendiri, dan (iii) menunjukkan bagaimana penjelasan yang lebih bererti dapat dan harus didatangkan dari pendekatan-pendekatan epistemologi selain positivisme.

Organisasi ruang pelancongan di Kundasang

Kundasang adalah sebuah petempatan di daerah Ranau, bahagian tengah negeri Sabah. Ia terletak dalam kawasan Banjaran Crocker yang mempunyai ketinggian sekitar 4000 kaki hingga 6000 kaki. Jarak pusat urban Kundasang dari pekan Ranau adalah 15 kilometer. Kawasan ini mempunyai beberapa buah kampung utama, antaranya Lembah Permai, Cinta Mata, Kauluan, Sinisian, Dumpiring dan Kinasaraban. Pekan Kundasang yang berada di tengah-tengah berfungsi sebagai pusat bandar bagi petempatan ini (Rajah 1).

Pada skala geografi makro negeri Sabah, wilayah kecil ini mempunyai beberapa ciri istimewa dari segi fungsi dan letakan. Sumber ekonomi utama penduduk Kundasang adalah berasaskan aktiviti pertanian. Kawasan pergunungan ini menjadi pembekal utama sayur-sayuran hawa sederhana di negeri Sabah. Malah, sejak penghujung tahun 1980-an, eksport hasil pertanian dari kawasan ini juga telah menembusi pasaran Brunei dan Sarawak.

Persekitaran Kundasang dilingkungi hutan malar hijau khatulistiwa yang padat dengan khazanah alam semulajadi. Empat kilometer dari pusat urban Kundasang terletak Taman Kinabalu yang mempunyai hutan simpan tropika (antara yang tertua di dunia), dan paling kaya dengan biodiversiti. Di kawasan hutan simpan ini juga berdirinya Gunung Kinabalu, kemuncak tertinggi di Asia Tenggara. Keistimewaan ini diperkuatkan oleh tarikan pelbagai spesies eksotik, di mana taman ini menawarkan koleksi orkid dan tumbuhan periuk nera terbesar di dunia, serta turut dikenali kerana penemuan bunga rafflesia yang unik.

Dari segi letakan relatif, Kundasang boleh dianggap antara singgahan penting di sepanjang jalanraya utama yang menghubungkan Kota Kinabalu dan Sandakan. Perjalanan darat dari Kota Kinabalu ke Kundasang mengambil masa kira-kira dua hingga tiga jam, manakala perjalanan dari Sandakan memakan masa selama lima hingga enam jam. Dengan kedudukannya hampir di tengah-tengah laluan, Kundasang boleh dianggap sebagai titik komplimentari bagi wilayah pantai barat dan pantai timur negeri Sabah. Pemborong sayur-sayuran dari Sandakan (pantai timur) dan Kota Kinabalu (pantai barat) lazimnya akan terus ke Kundasang tanpa bergantung kepada mana-mana bandar perantaraan. Justeru, Kundasang boleh dianggap mempunyai lokasi geografi yang strategik dan darjah aksesibiliti yang memuaskan. Jalanraya yang menghubungkan Kota Kinabalu, Kundasang dan Sandakan adalah antara kemudahan jalan darat berturap yang pertama dibina di negeri Sabah. Ia siap sepenuhnya pada tahun 1972 (Sulong, 1983:36).



Rajah 1. Lokasi kajian

Sehingga tahun 1998, tidak terdapat satu bentuk rangka perancangan formal yang diperkenalkan bagi membangunkan mukim Kundasang (temuramah dengan Bernard Kimin,

Penolong Pegawai Daerah Ranau, Bahagian Pembangunan, September 1999). Namun begitu, berdasarkan beberapa *in-put* yang telah dihalakan ke kawasan ini terdapat percubaan yang jelas untuk mengangkat pelancongan sebagai katalis pembangunan. Ini bersesuaian dengan sifat semulajadi kawasan ini. Ia kaya dengan unsur alam yang boleh dikomoditikan dalam sektor pelancongan berasaskan ekologi (*ecotourism*). Di samping itu, suasana desa dan sektor pertanian kawasan ini mendorong kepada pengembangan bidang *agrotourism* cabang pelancongan yang mengkomersilkan persekitaran luar bandar sebagai dagangan estetik.

Sejak awal tahun 1980-an, usaha-usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan, badan berkanun (khususnya Koperasi Pembangunan Desa [KPD]) dan agensi-agensi swasta bagi membangunkan kawasan ini. Pada awal tahun 1980-an, sebuah bangunan kedai 12 unit telah didirikan di kawasan urban Kundasang. Ini serentak dengan pembinaan Hotel Perkasa di sebuah bukit berhampiran (4560m) sebagai mercu tanda pekan Kundasang. Pada pertengahan 1980-an, KPD telah memperkenalkan secara meluas item-item pertanian eksotik yang mempunyai nilai komersil tinggi seperti strawberi, asparagus dan bunga-bunga hawa sederhana. Serentak itu, pelbagai industri sokongan bagi bidang pelancongan tumbuh dengan pesat menjelang akhir tahun 1980-an seperti kabin penginapan, kemudahan rekreasi dan pusat hiburan. Pada awal 1990-an, sebuah padang golf lapan belas lubang telah dibangunkan berhampiran Kampung Cinta Mata. Di samping itu, acara-acara bertaraf antarabangsa untuk menarik lebih ramai pelancong turut diperkenalkan seperti Mount Kinabalu International Climbathon dan World Mountain Running Trophy.

Menjadikan sektor pelancongan sebagai katalis pembangunan wilayah bukanlah satu idea baru. Mengikut Christaller (1963), terdapat cabang ekonomi yang tidak bergantung kepada pemusatan tempat dan pengelompokan industri. Dalam hal ini, sektor pelancongan dirujuk sebagai alat yang boleh membangunkan ekonomi bagi wilayah-wilayah mundur dan terpencil. Dengan sifat Kundasang seperti yang telah diuraikan sebelum ini, pemilihan industri pelancongan sebagai katalis pembangunan amat bertepatan.

Bagaimana pelancongan boleh menjana pembangunan dalam ruang fizikal dan ruang sosio-ekonomi sesebuah wilayah? Mekanismanya hampir sama dengan model kutub pertumbuhan dan strategi-strategi lain yang menggunakan pendekatan pusat petempatan. Sektor pelancongan diharap mampu melahirkan natijah penggandaan dan limpahan ekonomi, seterusnya akan tersebar saksama ke seluruh wilayah yang disabitkan (Kadir Din, 1984). Dalam konteks ini aktiviti pelancongan disifatkan sebagai industri asas yang diyakini mampu menerbitkan pelbagai aktiviti ekonomi bidangan. Proses ini secara teoritisnya boleh terjana secara mandiri sehingga impak kumulatif akan membawa transformasi positif. Transformasi ruangan ini merangkumi pelbagai aspek, termasuklah transisi sistem sosio-ekonomi, perkembangan infrastruktur, peningkatan khidmat perbandaran dan perubahan struktur petempatan.

Prestasi industri pelancongan sebagai pemangkin pembangunan di Kundasang

Dari perspektif empirikal dan lahiriah, dapat dirumuskan bahawa industri pelancongan belum lagi berjaya menjadi pemangkin berkesan kepada pembangunan Kundasang. Sekurangnya terdapat tiga faktor yang mempengaruhi kegagalan industri ini sebagai katalis pembangunan Kundasang:

- (i) *Pertumbuhan pusat urban yang lembab* (Jadual 1): Ini merujuk kepada kegagalan pekan Kundasang untuk berkembang sebagai pusat penawaran khidmat perbandaran yang efektif. Sejak dibangunkan sebagai pusat urban pada tahun 1981, pertumbuhan fungsi perbandarannya berkembang begitu perlahan dan lembab sedangkan jumlah penduduk dan pelancong luar terus meningkat tahun demi tahun. Fenomena ini akan dijelaskan dari sudut persaingan lokasi (dengan bandar-bandar berhampiran) dan kepincangan pola sirkit pelancongan (tidak "memihak")

kepada lokasi Kundasang).

- (ii) *Kebocoran pendapatan*: Hal ini dikaitkan dengan kedatangan masyarakat migran (kapitalis dan pekerja asing) ke kawasan Kundasang sama ada untuk melabur mahupun bekerja sebagai buruh. Masyarakat migran ini telah melebarkan kuasa ekonomi kapitalisme dan telah merencat perkembangan sistem ekonomi tradisional. Malangnya, limpahan ekonomi non-tradisional yang dijana dan diolah oleh para migran (dengan mengeksplotasikan sepenuhnya sumber-sumber yang ada di Kundasang) akhirnya dibawa keluar dari kawasan ini dan dilambakkan di tempat-tempat lain.

Jadual 1. Ringkasan bentuk-bentuk perkhidmatan dan fungsi kediaman yang disediakan oleh unit-unit bangunan kedai di pusat urban Kundasang

Fungsi perkhidmatan	Bilangan
(1) Tempat kediaman	15
(2) Kedai runcit	11
(3) Pusat hiburan: * <i>pusat snooker, games, muzik</i>	8
(4) Kedai makan (Restoren)	9
(5) Pusat inter-net (Kafe siber)	3
(6) Khidmat perubatan	2
(7) Pejabat persendirian	2
(8) Fungsi-fungsi lain order tinggi: * <i>bank, menjual tayar, racun</i>	8
(9) Fungsi-fungsi lain order rendah: * <i>kedai cenderamata, kedai gambar</i>	5
Jumlah unit fungsi	63

* Terdapat pertambahan unit kedai dari jumlah 12 unit (1981) kepada 24 unit (1990)

Sumber: Kerjalapangan penyelidikan pada September 1999

- (iii) *Tahap 'mandiri' penduduk setempat yang lemah*: Pada perspektif yang lebih luas, penduduk Kundasang boleh dilihat sebagai mangsa kepada dinamik pembangunan yang melampaui tahap ketersediaan mereka dari segi latar pendidikan dan keserasian kepada elemen-elemen urbanisasi. Jadi, timbul pelbagai gejala kemasyarakatan yang menjurus kepada persoalan keadilan sosial. Antaranya, termasuklah isu penjualan tanah (kepada kapitalis luar), pencemaran alam sekitar, perubahan pola demografi dan komposisi penduduk, kewujudan petempatan setinggan serta meningkatnya kadar penghijrahan para penduduk muda (di kalangan kaum pribumi).

Memahami kegagalan industri pelancongan Kundasang-kekuatan analisis positivisme

(i) Penjelasan berasaskan dogma spatialisme

Dengan menggunakan pendekatan positivisme sains ruang, bahagian ini akan menganalisa faktor-faktor fizikal yang melibatkan isu geseran jarak dan persaingan lokasi. Secara ideal, pusat urban Kundasang dijangka menjadi medan bagi dua proses ekonomi yang penting, iaitu (i) sebagai kutub tadahan bagi limpahan ekonomi yang dibawa masuk oleh pelancong (menerusi aktiviti membeli-belah); dan (ii) sebagai lanskap pertumbuhan bagi ekonomi-ekonomi terbitan sektor pelancongan (seperti kedai cenderamata, kedai gambar, motel penginapan dan restoran). Malang sekali, dua gejala negatif timbul hingga menggagalkan Kundasang sebagai kutub tadahan dan lanskap pertumbuhan. Masalah-masalah tersebut adalah seperti berikut:

(a) Persaingan lokasi

Bagi membolehkan pekan Kundasang menarik pola pembelian para pelancong, pusat urban ini

seharusnya mempunyai kekuatan internal sebagai sebuah pekan yang mandiri. Ia seharusnya mampu menawarkan khidmat perbandaran asas dan penjualan item keperluan domestik yang lengkap. Kekuatan dalaman ini hanya dapat dibina sekiranya permintaan pengguna (khususnya penduduk tempatan) dapat memacu fungsi perniagaan dengan dinamik dan konsisten. Sayang sekali, hal ini tidak berlaku kerana temubual penyelidik dengan para peniaga mendapati bahawa lebih 50% daripada kedai perniagaan mendapat purata pelanggan harian kurang daripada 25 orang (lihat Jadual 2).

Menurut teori ambang penduduk dan penawaran orde barangan, sebuah wilayah pertempatan harus mempunyai jumlah penduduk yang mencukupi sebelum khidmat-khidmat perbandaran dapat diwujudkan pada suatu pusat tertentu (Christaller, 1966). Ini mungkin menjadi salah satu punca asas kenapa pekan Kundasang gagal memainkan fungsi perbandaran dengan efektif. Statistik bulan Mei 1999 (data diambil dari hospital daerah Ranau) menganggarkan bahawa jumlah penduduk mukim ini kurang daripada 6000 orang. Dengan jumlah yang agak kecil ini (hanya sebilangan sahaja merupakan pengguna aktif), ditambah pula dengan kuasa beli yang rendah (purata pendapatan penduduk RM600-RM1000 sebulan), maka, unsur-unsur urbanisasi yang cuba diterapkan di wilayah ini agak sukar untuk berkembang secara mandiri.

Jadual 2. Maklumbalas para pengusaha unit-unit kedai di Pusat Urban Kundasang berkaitan isu-isu pendapatan, kedatangan pelancong dan persepsi terhadap prestasi perniagaan

Temubual bersama para peniaga di Pusat Urban Kundasang:

Tujuan utama temubual ini adalah untuk melihat sejauhmana pacuan permintaan pengguna dari kalangan penduduk tempatan dan para pelancong. Seramai 28 responden yang terlibat dalam bidang keusahawanan berbentuk – kedai runcit, pusat hiburan dan unit-unit fungsi lain (order rendah) telah dipilih sebagai sample. Soalan-soalan asas adalah:

- (1) Berapakah jumlah pelanggan harian?
- (2) Berapakah pendapatan kasar bulanan?
- (3) Berapakah jumlah pelanggan dari kalangan pelancong (dalam sebulan)?
- (4) Adakah anda puas hati dengan prestasi perniagaan?

Soalan	Ringkasan jawapan 28 responden terhadap setiap soalan			
(1)	0-25 orang 15	26-75 orang 10	76-150 orang 3	>150 orang 0
(2)	<RM 3,500 10	RM3,500 - <RM5,000 13	RM5,000 - < RM10,000 3	>RM10,000 2
(3)	0-5 orang 8	5-15 orang 16	15-30 orang 3	Lebih 30 orang 1
(4)	Tidak puas hati 0	Kurang puas hati 8	Puas hati 19	Amat puas hati 1

Sumber: Kerjalapangan penyelidik pada September 1999

Apabila pacuan pengguna harian tidak cukup kuat, ia secara langsung melemahkan tahap penawaran khidmat perniagaan di mana kepelbagaian fungsi dan barangan jualan akan terbatas. Dengan tahap penawaran fungsi perniagaan yang kurang rencam, trend pembelian pelancong cenderung dilencongkan ke kawasan-kawasan lain terutamanya pekan Ranau yang berada 15 kilometer dari pusat urban Kundasang. Pekan Ranau adalah pusat bandar yang lebih berkembang dari segi penawaran khidmat perbandaran.

Kebanyakan penduduk Kundasang sendiri (termasuk para pelancong) lebih gemar membeli-belah di pekan Ranau. Pola pembelian pengguna yang sebegini bentuknya telah membantu

memperkukuhkan kuasa urban pekan Ranau, sekaligus merencat daya-saing Kundasang. Tetapi, masalah ambang penduduk jika diperhalusi bukanlah faktor kritikal yang boleh merencat pertumbuhan bandar bagi sebuah wilayah pelancongan seperti Kundasang. Kedatangan pelancong yang jumlahnya secara purata melebihi sepuluh ribu orang setiap bulan (data Taman Kinabalu Januari-Disember 1997; Borneo Mail, 12 Julai 1999) sepatutnya boleh memberi rangsangan tambahan kepada pusat urban Kundasang.

(b) Kepincangan bentuk sirkit pelancongan

Bentuk sirkit pelancongan di daerah pergunungan ini sebenarnya secara 'tidak disedari' telah mengabaikan 'pusat urban' Kundasang sebagai salah satu ruang keliaran pelancong yang signifikan. Faktor-faktor tersebut akan dinilai dari segi pertama, kepincangan sirkit pelancongan pada skala mikro (di peringkat daerah Ranau); dan kedua, pada skala makro (di peringkat negeri Sabah).

Masalah pertama ini lebih bersifat gejala internal bagi daerah Ranau. Ia dicetuskan oleh bentuk pergerakan pelancong di peringkat mikro yang tidak 'menguntungkan' ruang keliaran di Kundasang. Penjelasannya mudah para pelancong yang mengunjungi pergunungan Crocker (di mana Kundasang terletak) mempunyai satu bentuk trip aktiviti yang tersendiri (dan lazimnya telah ditentukan oleh agensi pelancongan). Jadual aktiviti pelancong ini disusun dengan mengambilkira 'jarak perjalanan' yang diambil untuk tiba ke Kundasang (100 kilometer dari Kota Kinabalu dan 250 kilometer dari Sandakan). Harus diakui, jarak ini akan memberi kesan geseran dari segi masa dan 'mood' pelancong.

Pada hari pertama, para pelancong yang 'keletihan' hanya akan bermalam di kabin-kabin penginapan sekitar kawasan Kundasang untuk menikmati hawa pergunungan (atau membuat aktiviti 'memanas badan' bagi persediaan mendaki Gunung Kinabalu). Mengikut jadual trip aktiviti yang ideal (seperti yang diatur oleh kebanyakan agensi pelancongan Sabah), selepas fasa pendakian tamat atau setelah menikmati udara pergunungan yang dingin (bagi yang tidak mendaki Gunung Kinabalu), destinasi selanjutnya adalah Taman Air Panas di Poring (ke arah pekan Ranau). Lazimnya, semasa mobiliti perantaraan inilah para pelancong akan mengambil kesempatan membeli barang keperluan harian atau mencari item-item tempatan sebagai cenderamata.

Masalah kedua adalah mengenai kedudukan pusat urban Kundasang dalam sirkit pelancongan di peringkat negeri Sabah. Untuk mengunjungi kawasan peranginan daerah Ranau (yang mempunyai Taman Kinabalu dan Taman Air Panas Poring), terdapat dua 'gate way' utama para pelancong iaitu kemasukan dari Kota Kinabalu dan Sandakan. Secara praktikalnya, para pelancong akan membeli barangan keperluan mereka di Sandakan atau Kota Kinabalu (untuk kegunaan pada hari pertama) dan di pekan Ranau (untuk kegunaan pada hari berikutnya). Semasa berada di kawasan Kundasang pula, (oleh kerana kepenatan setelah menempuh satu perjalanan yang jauh) para pelancong lebih gemar menghabiskan masa menghirup udara segar di Taman Kinabalu atau berehat di dalam kabin masing-masing. Masalah penat inilah yang dirujuk sebagai geseran jarak dalam bentuk 'mood'.

Maksudnya, kualiti lokasi Kundasang dalam konteks pelancongan negeri Sabah telah dijejaskan oleh kedudukannya sebagai suatu titik lompatan dan bukan destinasi akhir. Kewujudan Kota Kinabalu di pantai barat dan Sandakan di pantai timur, menghasilkan medan 'tarik-tolak' bagi lokasi Kundasang dalam konteks ruang keliaran pelancong pada skala makro. Maksudnya, para pelancong yang ingin menjelajah seluruh Sabah (khususnya pelancong luar negara) akan menjadikan Kota Kinabalu dan Sandakan sebagai destinasi utama, dan Kundasang hanya titik perantara. Inilah yang dikatakan sebagai penurunan kualiti lokasi pekan Kundasang akibat daya penarikan dua bandar lain dari dua hujung yang bertentangan.

(ii) *Penjelasan berasaskan dogma tingkahlaku*

Apabila kawasan Kundasang ingin dimahsyurkan sebagai destinasi pelancongan ala 'Cameron

Highlands' pada tahun 1976, Datuk Mohd. Harris Salleh yang ketika itu menjadi Ketua Menteri Sabah telah berkata: "*I want to see this area terraced, farm roads established, farms irrigated with sprinklers and vegetables covering these hills in green*".

Kata-kata ringkas ini jelas menggambarkan sifat positifis pihak berautoriti bahawa 'penampilan fizikal' akan menjadi daya penarik bagi industri pelancongan. *Gariskasar Pelan Pembangunan Ranau 2010* turut mengagagaskan strategi pembangunan berbentuk positivisme seperti meningkatkan kemudahan, mengangkat semula tradisi masyarakat tempatan, serta memajukan taraf pendidikan dan kemahiran penduduk (Borneo Mail, 12 Julai 1999). Semua rancangan ini bertujuan untuk merangsang reaksi kelompok sasaran (penduduk tempatan dan pelancong) agar bertindakbalas secara positif ke arah pemantapan sektor pelancongan. Ini selari dengan andaian bahawa manusia bersifat ekonomi atau organisma mekanik.

Dari sudut positivisme tingkahlaku, terdapat dua bentuk utama rangsangan yang diterapkan dalam strategi pembangunan kawasan ini. Pertama, rangsangan fizikal dengan memperbaiki perkhidmatan urbanisasi dan taraf infrastruktur asas seperti sistem jalanraya berturap, serta memperbanyakkan kemudahan awam (misalnya, telefon dan tandas). Ini diharap mampu merangsang kedatangan para pelancong dan mengekang proses mobiliti penduduk tempatan ke kawasan-kawasan luar Kundasang. Kedua, 'rangsangan manusiawi' dengan meningkatkan mutu pendidikan dan kemahiran masyarakat setempat. Keadaan ini diharap mampu menarik penglibatan para penduduk asli Kundasang dengan lebih rancak dalam sektor pelancongan yang merupakan satu bentuk ekonomi bidang peringkat tertiar.

Strategi pembangunan ini kurang efektif kerana intensiti rangsangannya tidak cukup kuat, atau bentuk rangsangan itu sendiri kurang lengkap. Natiujahnya, tindakbalas wajar yang diharap daripada masyarakat setempat dan para pelancong tidak menjadi kenyataan. Dua kelemahan paling ketara dalam usaha membangkitkan rangsangan ini adalah dari aspek (i) pembangunan infrastruktur pusat urban Kundasang yang tidak lengkap; dan (ii) program-program latihan dan sokongan inovasi keusahawanan yang kurang efektif. Ini adalah faktor perencat utama kepada tingkahlaku positif, sungguhpun dari segi ketersampaian ruang (kemudahan perhubungan), Kundasang tidak menghadapi masalah besar.

Kelemahan pertama - pembangunan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang kurang memberangsangkan di pusat urban Kundasang itu sendiri: Paling ketara, pusat urban Kundasang tidak mempunyai kawasan 'meletak kenderaan', terutama sekali untuk bas-bas persiaran yang bersaiz besar. Struktur fizikal bagi kawasan pekan Kundasang tidak memberikan ruang yang selesa dan mencukupi untuk pergerakan dan tempat perhentian kenderaan-kenderaan besar. Jaringan jalan di kawasan terletaknya bangunan kedai adalah begitu pendek dan sempit. Ruang-ruang meletak kereta yang disediakan sekadar cukup untuk menampung kenderaan penduduk tempatan. Dalam pada itu, pusat urban Kundasang juga serba kekurangan dari segi kemudahan-kemudahan awam termasuklah kemudahan yang paling asas seperti telefon dan tandas awam. Pusat urban ini juga amat lemah dari segi penawaran khidmat perbandaran order separa-tinggi (yang paling penting kepada pelancong) seperti institusi kewangan dan pejabat pos.

Kombinasi semua kekurangan fizikal yang disebutkan ini telah merencat 'keinginan' para pelancong luar untuk singgah lebih lama di pusat urban Kundasang. Inilah yang dikatakan tingkahlaku negatif yang disebabkan oleh rangsangan negatif persekitaran. Sedangkan, kualiti dan kuantiti in-put ekonomi yang boleh dilimpahkan oleh para pengunjung luar ke satu-satu kawasan berkadar terus dengan tempoh masa mereka berada di tempat tersebut.

Kelemahan kedua - kelemahan rangsangan non-fizikal: Tingkahlaku negatif juga boleh dianalisis berdasarkan sifat-sifat rangsangan spiritual yang wujud dalam sesuatu persekitaran sosio-budaya. Secara kasarnya, rangsangan-rangsangan yang wujud dalam persekitaran sosio-budaya masyarakat Kundasang (buat masa ini) boleh disifatkan sebagai kurang serasi dengan orientasi pembangunan kawasan ini yang beralih dari bentuk ekonomi tradisional kepada ekonomi komersial (Lim, 1995).

Menurut Redifield (1947:293), masyarakat desa mempunyai tingkahlaku tradisional dalam

ertikata *tindakan mereka spontan, tidak banyak menyoal dan tidak terdapat percubaan serta pemikiran untuk mencapai kepuasan intelek*. Begitu juga, pelaksanaan serta perhubungan antara institusi-institusi adalah bercorak biasa dan kumpulan keluarga adalah unik. Manakala, tindakan-tindakan ekonomi pula lebih banyak didasarkan kepada tarikan status daripada pacuan pasaran. Masyarakat daerah pergunungan Kundasang boleh dikatakan masih tebal dengan ciri-ciri penduduk desa. Rumusan umum ini didasarkan kepada ciri lokasi petempatan yang bersifat 'pinggiran', dan sistem sosio-ekonomi yang masih banyak disandarkan kepada sektor-sektor primer. Begitu juga, tahap pendidikan bagi kebanyakan penduduk, khususnya 'generasi tua' yang merupakan (peserta aktif dalam ekonomi) rata-ratanya hanya pada tingkat pendidikan primer atau sekunder.

Justeru itu, program-program intervensi oleh agensi-agensi perubah harus memainkan peranan untuk menganjak sifat-sifat dalaman 'penduduk desa' kepada satu pola tingkah laku yang lebih serasi dengan sistem ekonomi bandaran. Sebagaimana yang dimaklumi, bidang pelancongan di Kundasang telah membawa perubahan kepada sistem ekonomi tempatan dengan dua cara (i) berkembangnya sektor pertanian komersial yang memerlukan in-put inovasi yang tinggi sama ada segi material, teknikal yang mahupun modal; (ii) munculnya pelbagai peluang ekonomi terbitan berasaskan pelancongan seperti industri perhotelan, hiburan dan perniagaan makanan. Bagi membolehkan masyarakat tempatan mengadaptasi dan mengambil bahagian dalam bentuk ekonomi baru ini, kemahiran pengurusan dan ilmu pengetahuan adalah suatu keperluan kritikal selain daripada modal fizikal.

Sehingga kini, tidak terdapat sebarang program latihan khusus (menjurus kepada sektor pelancongan) yang dihalakan kepada penduduk desa di Kundasang. Rangka cadangan ke arah itu hanya terdapat dalam *GKPP Ranau 2010* (yang masih di peringkat gagasan dan perancangan. Sehingga September 1999, seorang sahaja usahawan bumiputera Kundasang yang menceburi bidang perhotelan (pemilik *Rina Ria Lodge, Dr. Lungkiam Dambul*). Dalam kebanyakan kes, penduduk tempatan Kundasang sekadar penyumbang tenaga kerja di kabin-kabin penginapan atau pusat-pusat hiburan milik para kapitalis etnik Cina. Situasi sebegini (di mana penduduk tempatan tidak mempunyai kuasa penyeliaan dan autoriti membuat keputusan) bukanlah satu bentuk penyertaan yang cukup bermakna (Mohd Yaakob 1989:142-143).

Koperasi Pembangunan Desa (KPD) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) telah mengusahakan program-program latihan pertanian berorientasikan teknologi semasa (teknik pengaliran, penggunaan baja kimia dan racun serangga) di kalangan petani tempatan. KPD telah merangka beberapa projek pertanian yang tersusun dengan memperkenalkan item-item tanaman komersial misalnya cendawan dan markisa. PPK pula menumpukan usaha kepada sokongan dan galakan kaedah tani yang lebih berinovasi, menerusi skim projek berkelompok. Dalam kebanyakan program, agensi perubah memberi bantuan in-put teknologi seperti peralatan, bahan-bahan kimia (baja dan racun), serta termasuk khidmat nasihat.

Malang sekali, kebanyakan peserta projek ini hanya mengambil bahagian secara '*part time*' dan tidak bertahan lama. Menurut Mohd. Yaakob (1989:147-148), kajian yang dilakukan oleh tiga agensi pembangunan SERU, SINAR dan INSAN merumuskan bahawa terdapat lima isu kritikal yang berkaitan dengan penglibatan penduduk luar bandar Sabah dalam projek-projek ekonomi yang dianjurkan oleh agensi-agensi perubah. Lima isu tersebut adalah: (i) masalah ketersampaian dari segi infrastruktur ekonomi (modal, kemudahan) dan inovasi pengetahuan; (ii) ganjaran yang tidak memuaskan; (iii) penduduk tempatan kurang berminat; (iv) tahap penglibatan yang tidak konsisten; dan (v) menghentikan penglibatan pada bila-bila masa kerana bosan atau hilang minat. Kelima-lima tingkahlaku negatif ini juga boleh dikesan di kawasan Kundasang apabila usaha KPD dan PKP untuk memberikan rangsangan-rangsangan positif gagal menganjak tinggi tahap keterlibatan penduduk secara menyeluruh.

Persoalannya ialah mengapakah para penduduk memberi reaksi 'tidak wajar' kepada rangsangan-rangsangan positif yang disogokkan? Di sinilah pentingnya persoalan mengenai

tahap kesediaan mental dan pemikiran penduduk diambil kira. Dalam hal ini, Mohd Yaakob (1989:156) sekali lagi menegaskan bahawa sebarang program pencelahan atau intervensi oleh agensi perubah harus mempertimbangkan dinamik dan tahap transformasi sosial yang sedang dialami oleh masyarakat desa yang disabitkan. Maksudnya, untuk mendapatkan reaksi balas berbentuk positif, rangsangan spiritual berbentuk pendidikan dan latihan kemahiran perlu diaruhkan terlebih dahulu dengan secukupnya, sebelum rangsangan fizikal yang berbentuk program-program spesifik diperkenalkan.

Memahami kegagalan industri pelancongan Kundasang – kelemahan analisis positivisme dari perspektif humanistik

Sebenarnya mengapakah para penduduk memberi reaksi 'tidak wajar' kepada rangsangan-rangsangan positif yang disogokkan membawa kita kepada peri pentingnya persoalan ini dilihat dari perspektif humanistik. Perspektif ini akan melihat para penduduk tersebut sebagai subjek dan bukan sebagai objek kajian. Dengan mengiktiraf kesubjektifan para penduduk tersebut sebagai subjek kajian, perspektif humanistik ini akan menyerlahkan kefahaman bahawa reaksi 'tidak wajar' mereka sebenarnya adalah hasil pewajaran (pemikiran, pertimbangan perasaan, citarasa, penilaian, kebebasan berkehendak) mereka sendiri. Sebagai insan – dan bukan sekadar organisma mekanikal- mereka mempunyai fitrah rohaniah dan otonomi diri untuk menentukan pendirian dan membuat keputusan mengenai bagaimana mereka rasakan mereka harus memberikan reaksi kepada 'rangsangan' yang diberikan. Bagi mereka apa yang mereka putuskan adalah 'wajar'.

Penyandangan sifat dan nilai 'tidak wajar' kepada reaksi penduduk tempatan di Kundasang haruslah dilihat sebagai sekadar kaedah epistemologi positivisme dan bukanlah sesuatu yang mutlak dan muktamad. Malah yang menjadi 'tidak wajar' bukanlah persoalan reaksi negatif penduduk tempatan di Kundasang tetapi sebaliknya yang 'tidak wajar' dan negatif adalah metodologi positivisme sendiri yang hanya mampu melihat aspek lahiriah (empirikal) reaksi penduduk tempatan di Kundasang dan gagal mendalami aspek keinsanian mereka sebagai subjek.

Dengan kata lain, pemahaman humanistik yang perlu dieksplorasi dengan lebih lanjut bagi kes penduduk tempatan di Kundasang ini akan memberitahu kita maklumat halus dan kearifan tentang bagaimana sebenarnya penduduk tempatan di Kundasang ini harus difahami jika benarlah kita menginginkan pembangunan yang benar-benar bermakna bagi mereka mengikut ukuran nilai dan kehendak mereka sendiri.

Barangkali inilah yang dimaksudkan oleh Mohd Yaakob (1989:156) apabila beliau menegaskan bahawa sebarang program pencelahan atau intervensi oleh agensi perubah harus mempertimbangkan dinamik dan tahap transformasi sosial yang sedang dialami oleh masyarakat desa yang disabitkan. Bagaimanapun, jika beliau bermaksud beragenda instrumental (dalam ertikata misalnya untuk mendapatkan reaksi balas berbentuk positif, rangsangan spiritual berbentuk pendidikan dan latihan kemahiran perlu diaruhkan terlebih dahulu dengan secukupnya, sebelum rangsangan fizikal yang berbentuk program-program spesifik diperkenalkan) seperti lazimnya dengan pendekatan liberal positivist, maka behaviouralisme positivist tidak akan berjaya melayani semurninya penduduk tempatan di Kundasang sebagai subjek pembangunan sebenarnya.

Memahami kegagalan industri pelancongan Kundasang – kelemahan analisis positivisme dari perspektif kestrukturkan Marxist

Penjelasan secara positivisme telah memaparkan dua faktor utama bagi kegagalan industri pelancongan mnejadi pemangkin kepada pembangunan Kundasang, iaitu (i) pertumbuhan pusat

urban yang lembab dan lemah; dan (ii) suasana persekitaran fizikal dan sosio-budaya yang kurang merangsang. Jika dua faktor di atas dinilai dengan teliti, kombinasinya belum cukup kuat untuk menerbitkan gejala songsang seperti mana yang telah dan sedang berlaku di Kundasang.

Dengan kata lain, darjah dan intensiti impak sosio-ekonomi yang dicerap di Kundasang (menerusi indikator tertentu, seperti mengukur prestasi perniagaan di pusat urban) membayangkan bahawa terdapat mekanisma lain yang sama-sama berperanan. Mekanisma yang tercicir ini harus dikaji dengan pendekatan berbeza. Ini diharap mampu memberi penjelasan yang lebih menyakinkan terhadap fenomena kegagalan industri pelancongan menjadi pemangkin pembangunan Kundasang.

Dalam konteks ini terdapat dua persoalan lagi yang gagal diungkap dengan lebih jitu dan terperinci oleh pendekatan positivisme, iaitu : (iii) Mengapakah aliran modal asing yang masuk ke kawasan Kundasang gagal memberi kesan pengganda dan limpahan ekonomi di peringkat lokal ?; dan (iv) mengapakah kedatangan para pekerja migran (yang hampir mencapai angka 1500 orang) tidak memberi sumbangan kepada fungsi runcit dan perkhidmatan urbanisasi di Kundasang ?

Jawapan kepada kedua-dua persoalan ini memerlukan pemeriksaan industri pelancongan di Kundasang dilakukan dari perspektif kestrukturannya Marxist (lihat Ramzah Dambul & Amriah Buang, 2008).

Kesimpulan

Kertas ini telah cuba mengupas secara ringkas permasalahan pelancongan di Kundasang, Sabah berdasarkan pendekatan epistemologi positivisme. Kupasan positivisme ini telah memaparkan beberapa aspek lahiriah (empirikal) kepincangan industri pelancongan di kawasan berkenaan. Ia juga telah menjelaskan kepincangan ini dari perspektif positivisme sendiri, dan menggariskan bagaimana penjelasan yang lebih bererti dapat dan harus didatangkan dari pendekatan-pendekatan epistemologi selain positivisme. Sementara eksplorasi dari perspektif humanistik tidak dilakukan penjelasan dari perspektif kestrukturannya Marxist telah dihasilkan.

Pemahaman yang terhasil dari kupasan kritis positivis ini dipercayai dapat menyumbang kepada perbaikan pendekatan polisi dan pelaksanaan yang selama ini mencirikan pendekatan pembangunan pihak-pihak berwajib dalam menggerakkan industri pelancongan di Kundasang.

Rujukan

- Abd Samad Hadi (1989) Pergantungan dan penyatuan ekonomi ruang: Satu penelitian kembali pengalaman Negeri Sabah. In: Hairi Abdullah, Zulkifly Mustapha, Fatimah Kari (eds) *Integrasi Sabah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Amriah Buang (1981) Distance, accessibility and agricultural productivity: Some preliminary findings from Subdistrict Parit, Peninsular Malaysia. *Jurnal Ilmu Alam* Bil. 10.
- Amriah Buang (1987) Lokasi dan prestasi pekebun kecil getah Daerah Parit, Semenanjung Malaysia: Sangkalan terhadap rumusan positivisme bahagian pertama. *Jurnal Ilmu Alam* Bil. 16.
- Amriah Buang (1988) Lokasi dan prestasi pekebun kecil getah Daerah Parit, Semenanjung Malaysia: Sangkalan terhadap rumusan positivisme. *Jurnal Ilmu Alam* Bil. 17.
- Amriah Buang (1990) Lokasi dan prestasi pekebun kecil getah Daerah Parit, Semenanjung Malaysia : Sangkalan Terhadap Rumusan Positivisme. *Jurnal Ilmu Alam* Bil. 19.
- Amriah Buang (1992) Epistemological problems in human geography: An overview and preliminary Islamic evaluation. *The American Journal Of Islamic Social Sciences* Bil. 9.

- Bird Bella (DM) (1989) *Langkawi from Mahsuri to Mahathir: Tourism for whom?* INSAN, Kuala Lumpur
- Borneo Mail (1999) Rancangan 10 tahun bangunkan Ranau. 12 Julai
- Christaller W (1963) Some consideration of tourism location in Europe: The peripheral regions – the underdeveloped countries – recreation areas. Papers Regional Science Association, Paper 12, Lund Congress, pp. 95-105.
- Christaller W (1966) *The central places of Southern Germany* (terjemahan CW Baskin). Parentice-Hall, Englewood Cliffs.
- Cloke P, Philo C, Sadler D (1991) *Approaching human geography: An introduction to contemporary theoretical debates*. Paul Chapman Publishing Ltd, London.
- Dahlan HM (1989) Beberapa pandangan terhadap isu-isu pembangunan. In: Hairi Abdullah, Zulkifly Mustapha, Fatimah Kari (eds) *Integrasi Sabah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Dube SC (1984) *Development perspectives for the 1980's*. Pelanduk Publication, Kuala Lumpur.
- Giddens A (1990) *The consequences of modernity*. Polity Press, Cambridge.
- Johnstan RJ (1989) *Geografi dan ahli geografi* (terjemahan oleh Mohktar Ahmad). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kadir Din (1984) Tourist regions and development problems in Malaysia. *Jurnal Ilmu Alam* Mei 1984, pp. 65-82.
- Katiman Rostam (1990) Konsep asas geografi manusia. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ramzah Dambul, Amriah Buang (2008) Pelancongan di Kundasang, Sabah: Penjelasan kestrukturannya Marxist. *Geografia-Malaysia Journal Of Society and Space* 4, 32-44. Available from: <http://www.geografia.ukm.my>.